

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan untuk menambah baik jaringan telekomunikasi 3G atau 4G di kawasan Sare, Krubong, Mupong, Paloh, Berangan dan Utara Pulau Bruit memandangkan kawasan-kawasan ini selalu menghadapi masalah capaian telekomunikasi dan internet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat dapat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Sehingga kini, terdapat 19 menara komunikasi yang telah beroperasi manakala sebanyak 21 pemancar telah dinaiktaraf ke perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G di Parlimen Tanjung Manis.

NO SOALAN : 34

Melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebanyak tujuh (7) alat pemancar komunikasi di menara sedia ada di kawasan Sare, Krubong, Mupong, Paloh, Berangan dan Utara Pulau Bruit telah dirancang untuk dinaiktaraf dengan perkhidmatan 4G. Manakala, satu (1) menara komunikasi baharu juga telah dirancang untuk dibina di Utara Pulau Bruit dan dijangka siap secara berperingkat sehingga tahun 2022.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.